

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
29 NOVEMBER 2016**

---

**1. MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI MENERIMA DUA ANUGERAH DI GALA DINNER SEMPENA MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS 2016 (MIP PEA 2016) PERINGKAT NASIONAL**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dinobatkan untuk menerima dua anugerah oleh Malaysian Institut of Planner (MIP) sempena MIP Planning Excellence Awards 2016 pada 25 November 2016. Majlis Penyampaian Anugerah ini telah disaksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan DYMM Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan. Anugerah yang telah diterima oleh MPSP adalah :

- a) MPSP telah dinobatkan sebagai penerima *Recognition Awards* yang mana buat julung kalinya MIP memilih 10 buah Kerajaan Tempatan terbaik seluruh Malaysia untuk menerima anugerah ini. Anugerah ini adalah berdasarkan pencapaian dan inisiatif yang

telah dilaksanakan oleh MPSP sejajar dengan *good governance dan Sustainable Development*.

- b) MPSP dinobatkan sebagai penerima Merit Awards bagi Kategori *Community Based Planning Category* yang dianugerahkan kepada *Project Butterworth Baharu Programme : Community Engagement Approached in Pekan Lama Regeneration Plan*.

## **2. ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) 2016 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 telah diadakan pada 25 Oktober 2016 di Ruang Pameran Paras 3, KOMTAR dan disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. MPSP telah menerima beberapa anugerah sempena Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 iaitu :

- i. Johan (*Anti-Theft Sliding Door For Lamp Post ( A-Test Door)*) dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.

- ii. Naib Johan (Alat Perangkap Lalat) dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.
- iii. Tempat Ketiga (eMahkamah) dalam kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.
- iv. Anugerah Khas (Kad Pemberitahuan Tunggakan Cukai Tafsiran) dalam kategori Pengurusan Kewangan sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2015.

### **3. PENANG GOES ORANGE – “STOP CYBER VIOLENCE”**

Majlis Perbandaran Seberang Perai menyokong penuh *Penang Goes Orange “Stop Cyber Violence”* yang diadakan pada 25 November 2016 setiap tahun bermula tahun 2014. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang menganjurkan program ini. Ancaman terhadap kesejahteraan sosial penting untuk diberi perhatian. Oleh itu, Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah melancarkan Kempen Penang Goes Orange (PGO). Kempen peringkat negeri yang bermula sejak 2014 ini bertujuan untuk menghapuskan Keganasan

Terhadap Wanita (*Voilence Against Women*) dan tema untuk tahun 2016 adalah "Hentikan Keganasan Siber". "Hari Orange" diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 25 November setiap tahun untuk mewujudkan kesedaran dan menggalakkan orang ramai untuk bersama-sama menamatkan keganasan terhadap wanita dan gadis. Warna oren melambangkan keyakinan dan masa depan yang bebas daripada keganasan terhadap wanita dan gadis.

#### **4. PELEPASAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2017**

Disini saya juga ingin memaklumkan bahawa semua pemilik pegangan jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah akan sekali lagi menikmati pelepasan cukai taksiran bagi tahun 2017.

Untuk makluman, bil cukai taksiran masih akan dikeluarkan kepada semua pegangan yang layak menerima pelepasan cukai taksiran tahun 2017. Walau bagaimanapun, kepada semua pegangan yang layak menerima pelepasan cukai taksiran tahun 2017 tetapi mempunyai tunggakan sebelum tahun 2017,

dinasihatkan supaya menjelaskan tunggakan berkenaan dengan kadar segera.

Jumlah pelepasan cukai taksiran bagi tahun 2017 yang merangkumi jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah adalah sebanyak RM6,035,077.00.

#### 5. **PEMBERIAN REBAT 6% KE ATAS CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2017**

Semua pemilik pegangan **SELAIN** jenis kediaman kampung, kediaman kos rendah dan kediaman kos sederhana rendah akan menikmati rebat ke atas cukai taksiran bagi tahun 2017 sebanyak enam peratus (6%). Rebate ini tidak termasuk tunggakan. Jumlah keseluruhan rebat 6% ke atas cukai taksiran bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM9,907,892.00.

Bil cukai taksiran juga boleh disemak di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelepasan cukai taksiran atau pemberian rebat ke atas cukai taksiran bolehlah menghubungi pegawai di talian seperti berikut:-

- i. Jabatan Penilaian : 04-5497493/494/495
- ii. Jabatan Perbendaharaan : 04-5497464/468
- iii. E-mel : [pen@mpsp.gov.my](mailto:pen@mpsp.gov.my)

## 6. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2017

Sukacita di sini saya maklumkan bahawa bil cukai taksiran bagi **Penggal Pertama Tahun 2017** akan mula diterima oleh semua pemilik premis di seluruh Seberang Perai secara berperingkat mulai **1 Disember 2016** dan pembayaran perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **28 Februari 2017**. Bil cukai taksiran juga boleh disemak di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

## 7. PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2017

Dimaklumkan juga bahawa Promosi Bayaran Cukai Taksiran MPSP 2017 akan bermula pada **1 Disember 2016 dan akan tamat pada 28 Februari 2017.**

Antara syarat-syarat yang melayakkan pembayar cukai taksiran terpilih dalam cabutan bertuah ini ialah: -

- (a) Pembayar cukai taksiran mesti membayar keseluruhan cukai **setahun** untuk tahun 2017 berserta tunggakan (jika ada).
- (b) Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu mulai 1 Disember 2016 hingga 28 Februari 2017.
- (c) Tidak layak bagi pemilik premis yang telah mendapat pelepasan/pengecualian bayaran cukai taksiran untuk tahun **2017** kecuali pemilik premis yang mempunyai tunggakan dengan syarat menjelaskan keseluruhan tunggakan yang ada.

Pembayar cukai taksiran yang layak akan menerima **1 buku kupon letak kereta (kupon jam) percuma bernilai RM4.00**

**sebuku** sebagai cenderahati bagi setiap akaun serta layak menyertai cabutan bertuah.

Sebanyak **25,000** buku kupon letak kereta (kupon jam) percuma telah disediakan bagi tahun ini sebagai cenderahati. Stok cenderahati adalah terhad. Cenderahati ini boleh dituntut di semua kaunter bayaran MPSP dengan mengemukakan bukti pembayaran.

Bagi hadiah cabutan bertuah, berikut adalah senarai hadiah yang telah disediakan untuk promosi kali ini:-

<b>KEDUDUKAN HADIAH</b>	<b>Jenis Hadiah</b>
Hadiah Pertama	1 Unit Mountain Bike KTM Ultra 2.9 (10 Speed)
Hadiah Kedua	1 Unit Mountain Bike KTM Ultra 1964 Ltd 27.5 (10 Speed)
Hadiah Ketiga	1 Unit Mountain Bike KTM Ultra 5.65 / 27.5 14" (8 Speed)
Hadiah Keempat	1 Unit Mountain Bike KTM Ultra 5.65 / 27.5 14" (8 Speed)
Hadiah Kelima	1 Unit Mountain Bike KTM Ultra 3.9 / 2.9er (9 Speed)
Hadiah Keenam	1 Unit Mountain Bike KTM Ultra 5.0 26" (8 Speed)
Hadiah Ketujuh	1 Unit Ipad Air 2
Hadiah Kelapan	1 Unit Ipad Mini 4
Hadiah Kesembilan	1 Unit Gintell Magnetic Fitness Bike FT8601
Hadiah Kesepuluh	1 Unit Panasonic Full HD 200Hz IPS LED TV 43"
Lain-Lain Hadiah	40 Hadiah Lain Berupa Mountain Bike, Barangan, Elektrik, Telefon Pintar, Tablet Pc & Perkakasan



Rumah.
--------

Bagi promosi kali ini, MPSP turut mengekalkan satu (1) kategori tambahan iaitu cabutan bertuah khusus kepada pemilik yang membayar **keseluruhan cukai tahunan 2017 berserta tunggakan (jika ada) dan bayaran mestilah dibuat secara ONLINE dalam tempoh yang telah ditetapkan.**

Sebanyak sepuluh **(10) unit Samsung Galaxy A3** disediakan bagi kategori ini.

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera membuat bayaran cukai pintu tahun 2017 berserta tunggakan (jika ada), bagi melayakkan anda menerima cenderahati serta terpilih untuk cabutan bertuah.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **8. MPSP TOWER RUN 2016**

Dimaklumkan *MPSP Tower Run 2016* akan diadakan pada 11 Disember 2016 (Ahad) di bangunan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Tuan/puan adalah dijemput untuk hadir dan turut serta bagi memeriahkan lagi program tersebut. Maklumat Tower Run boleh diperolehi dari <https://event.hwei.com/event/mpsp-tower-run-2016>.

#### 9. **MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-19 pada 4 Disember 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah senamrobik, karnival haiwan kesayangan, pameran, gerai jualan, pertunjukan *clown*, pertunjukan silat, *massage knife*, karaoke, *electronic bicycle*, kaunter bayaran bergerak, jualan *e-Waste* dan

banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

**10. PROGRAM KARNIVAL HAIWAN KESAYANGAN @ MPSP CAR FREE MORNING 4/12/2016**

Dimaklumkan bahawa pada 04 Disember 2016, MPSP akan mengadakan Program Karnival Haiwan Kesayangan 'Love Your Paws' bersempena dengan Program Car Free Morning yang bertempat di Jalan Todak 2 & 3 Seberang Jaya yang berlangsung dari jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengahari. Program ini juga adalah kerjasama pelbagai jabatan termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Polis Diraja Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, SPCA, MERCY dan kedai jualan haiwan kesayangan. Antara program-program yang akan diadakan pada karnival haiwan kesayangan tersebut adalah seperti yang berikut :

- a) Ceramah Pendidikan Pemeliharaan & Kawalan Haiwan Peliharaan
- b) Pameran Statik Mengenai Fungsi Jabatan Kesihatan (Bahagian Veterinar) dalam Kawalan Haiwan Berkeliaran

- c) Pameran Program Pemandulan Anjing MPSP & Promosi Klinik Pemandulan Anjing MPSP
- d) Program Suntikan Vaksin Rabies & Pelesenan Anjing MPSP
- e) Program Pemandulan Anjing MPSP-Universiti Malaysia Kelantan
- f) Program 'Dog Adoption' MPSP dengan kerjasama MERCY & SPCA
- g) Pertandingan Teka Berat Kucing
- h) Kuiz Haiwan Kesayangan
- i) Pameran Baka Kucing Tercantik
- j) Pameran Haiwan Eksotik
- k) Program Jualan Peralatan & Makanan Haiwan Kesayangan
- l) Demonstrasi Anjing Unit K9 oleh PDRM

## **11. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3,

Seberang Jaya pada 4 Disember 2016 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 18 Disember 2016 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 Disember 2016 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **12. HARI MAULIDUR RASUL**

Dimaklumkan bahawa pada 12 Disember 2016, Isnin adalah Hari Maulidur Rasul. Hari tersebut adalah hari cuti umum bagi Negeri Pulau Pinang.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**